

29 MAY 2001

PASUKAN PETUGAS-ANUITI

PASUKAN PETUGAS RAYU SKIM ANUITI KWSP DIADAKAN SEMULA

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Pasukan Petugas Khas Selamatkan Skim Anuiti, sebuah pertubuhan yang mewakili pencarum dan penerima anuiti KWSP, merayu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad supaya mengadakan semula skim anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Dalam satu memorandumnya kepada Perdana Menteri hari ini, pasukan petugas khas itu berkata, skim tersebut akan memberikan jaminan kewangan kepada pencarum di hari tua mereka.

Selain itu, skim tersebut akan mewujudkan keadaan di mana warga tua akan dapat menjaga diri sendiri sehingga akhir hayat mereka tanpa menjadi bebanan sosial kepada kerajaan.

Pengerusinya, Guna Raj George berkata bahawa pertubuhan itu, dengan keahlian berjumlah kira-kira 345,000, telah dibentuk pada 22 Mei tahun ini.

Katanya, pertubuhan itu juga telah meminta untuk mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri pada satu tarikh kemudian nanti.

Pertubuhan itu juga menegaskan, kajian telah menunjukkan bahawa sebilangan pencarum menghabiskan bayaran sekaligus yang mereka terima dalam tempoh 3-4 tahun dan selepas itu mereka menjadi masalah dan kos sosial kepada kerajaan.

"Tambahan pula, dengan kemajuan pesat dalam bidang perubatan dan peningkatan kesedaran terhadap kesihatan, usia penduduk semakin panjang dan dengan demikian, adalah penting bagi mereka mempunyai sumber pendapatan yang tetap.

"Dengan demikian, kami menganggap skim anuiti ini sebagai satu dimensi baru dalam bidang pelaburan yang akan memperbaiki lagi kehidupan kami selepas persaraan dan memastikan bahawa kami mempunyai pendapatan yang mencukupi dan tetap untuk menampung keperluan asas kami dan tidak bergantung kepada orang lain ataupun rumah kebajikan," katanya.

Pasukan petugas itu menekankan bahawa dengan skim ini diuruskan oleh syarikat-syarikat insurans, ahli-ahli akan mendapat faedah daripada pengagihan risiko di kalangan pakar-pakar yang berasingan dalam bidang pelaburan, iaitu KWSP dan syarikat-syarikat insurans yang merupakan peserta-peserta utama dalam pembangunan sektor kewangan dan pasaran modal.

Skim anuiti kini digantung buat sementara waktu seperti yang diminta oleh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Guna Raj berkata, pencarum-pencarum KWSP patut diberi peluang untuk membuat pilihan mereka.

"Kami, penerima anuiti, telah menyaksikan kebaikan skim ini dan dengan dengan kerana itu kesal dengan sikap MTUC yang telah mengambil tanggungjawab untuk mewakili 9 juta rakyat sedangkan ia hanya mempunyai keahlian seramai 500,000 pekerja," kata Guna Raj.-- BERNAMA

CL KTC KY OS